

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 3.11.2014

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kriteria kelayakan memasuki Program Matrikulasi kerana setiap tahun terdapat aduan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang lebih cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia tidak diterima masuk berbanding dengan mereka yang diterima masuk. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kemasukan ke Program Matrikulasi dapat dilaksanakan secara lebih adil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2006, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendasarkan kriteria-kriteria berikut dalam pemilihan pelajar ke program Matrikulasi, iaitu:

- i. Hanya calon yang **memohon dan melepasi syarat kelayakan minimum** layak dipertimbangkan ke Program Matrikulasi;
- ii. Pemilihan pelajar adalah melalui **sistem meritokrasi** iaitu gabungan **90% akademik** dan **10% kokurikulum** [akademik – hanya empat (4) mata pelajaran sahaja dikira dan kokurikulum

- purata markah dari tingkatan satu (1) hingga tingkatan lima (5)];
- iii. Gred 4 mata pelajaran tersebut diberi nilai dan kemudiannya dijumlahkan dengan markah kokurikulum;
- iv. Gabungan markah ini ialah nilai merit pelajar yang kemudiannya disusun mengikut *ranking*.
- v. Berdasarkan *ranking*, pelajar ditawarkan ke **Jurusan Sains dan Jurusan Perakaunan** menerusi permohonan;
- vi. Pengambilan **HANYA** dibuat sebanyak **dua kali sahaja**. Sekiranya terdapat kekosongan setelah pelajar ambilan pertama mendaftar, tawaran kedua dibuat berdasarkan kekosongan tempat dan jurusan;
- vii. Program ini merupakan **program fast-track** yang tertakluk sepenuhnya kepada prinsip dan pelaksanaan **sistem pengajian semester**. Justeru **tiada ambilan ketiga** dibuat; dan
- viii. Semua pelajar ditempatkan secara merata berdasarkan keseimbangan kaum dan negeri di semua kolej matrikulasi atas konsep Gagasan 1Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun terdapat peningkatan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Justeru, wujud persaingan yang sangat tinggi dalam kalangan pelajar cemerlang SPM ke Program Matrikulasi. Peningkatan sedemikian sangat sihat bagi negara, walau

bagaimanapun bagi segelintir ibu bapa melihatnya sebagai sekatan kepada anak mereka melanjutkan pengajian. Sebagai makluman, terdapat seramai 7083 (SPM 2014) pelajar yang mempunyai keputusan SPM cemerlang (9A – 11A) tetapi tidak diterima kerana mempunyai markah kokurikulum yang rendah.

Justeru, pemilihan pelajar ke Program Matrikulasi bukan hanya terletak kepada kecemerlangan keputusan SPM tetapi juga kecemerlangan pelajar dalam kokurikulum seawal Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.

RJM78